

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542



## **KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA PENULARAN KOLERA DI NEGERI TERENGGANU 18 NOVEMBER 2009**

Kes kolera yang mula dilaporkan di Kuala Terengganu pada 11 November 2009, sehingga kini telah melibatkan sejumlah 158 kes dengan 1 kematian. Maklumat berkaitan kes-kes ini adalah seperti berikut.

1. Sejumlah 112 kes adalah dikesan daripada 402 kes cirit-birit yang mendapatkan rawatan di hospital dan klinik kesihatan. Seramai 42 kes cirit birit yang telah pulih telah dibenarkan pulang.
2. Sejumlah 46 kes lagi adalah dikesan daripada 1,072 kontak terdekat kes-kes kolera yang dcilaporkan.
3. Kesemua kes yang disahkan kolera termasuk kes daripada kontak dimasukkan ke hospital untuk rawatan. Mereka hanya akan dibenarkan pulang setelah ujian najis mereka mengesahkan mereka bebas daripada kuman kolera selama 3 hari berturut.
4. Dua(2) kes kolera sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Kematian kekal 1 dan tiada kematian baru dilaporkan.

Penyakit kolera yang juga dikenali sebagai penyakit taun, adalah penyakit berjangkit melalui makanan atau minuman yang bercemar dengan kuman kolera kerana pengendalian makanan atau minuman yang tidak bersih. Bagi mengawal kejadian wabak ini, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan untuk memastikan tiada penularan wabak ini ke kawasan yang lain. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah diambil:

1. Sebanyak 60 premis telah di periksa di mana 11 premis telah ditutup termasuk 5 kilang ais tahap kebersihan yang tidak baik.

2. Sebanyak 71 sampel air dan 50 sampel makanan diambil untuk ujian kuman. Keputusan makmal bagi 35 sampel air dan makanan adalah negative kepada *V.Cholerae* manakala 86 sampel masih lagi menunggu keputusan.
3. Sebanyak 36 telaga di klorin. Sejumlah 304 buah tandas dan 135 tempat pembuangan sampah telah didisinfeksi.
4. Hebahan awam mengenai langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang meliputi perkara berikut telah dijalankan;
  - i. Mereka yang mengalami tanda-tanda cirit-birit atau muntah terutama selepas memakan makanan untuk mendapatkan rawatan segera di hospital berdekatan
  - ii. Mengamalkan kebersihan diri yang baik, terutama selepas ke tandas dengan mencuci tangan dengan bersih sebelum menyentuh makanan atau minuman.
  - iii. Jangan melanggan atau makan di kedai atau gerai makanan yang diragui tahap kebersihannya. Jangan meminum air yang tidak dimasak atau diragui kebersihannya.

Sehingga 17 November, sebanyak 1,341 sesi pendidikan kesihatan telah dijalankan di kawasan yang terlibat dengan wabak kolera dengan kehadiran seramai 4,245 orang. Sebanyak 238 hebahan awam telah dilakukan dan 6,776 risalah/poster telah diedarkan kepada orang ramai. Selaian daripada itu, rancangan radio tempatan secara langsung dengan Pengarah Kesihatan Negeri telah disiarkan pada 16 November 2009

Orang ramai adalah diminta untuk memberi kerjasama kepada aktiviti kawalan dan pencegahan yang sedang dijalankan terutamanya kepada nasihat mendapatkan rawatan segera dan mengelakan diri daripada makan atau minum di premis makanan yang kotor termasuk penjaja bergerak. Amalan kebersihan diri seperti membasuh tangan dengan sabun selepas ke tandas, sebelum dan sesudah makan serta menjaga kebersihan persekitaran amat penting bagi mengelak dari dijangkiti dan menghalang penularan jangkitan ini.

Sekian, terima kasih.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

18 November 2009